


Cukai minuman bergula: Kementerian terima aduan kenaikan harga

KUALA LUMPUR 26 Julai - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mengakui menerima laporan dan rungutan orang ramai berhubung tindakan peniaga termasuk restoran serta warung menaikkan harga minuman dengan alasan dikenakan cukai untuk minuman bergula yang dilaksanakan kerajaan pada awal bulan ini.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, memang berlaku kekeliruan termasuk dalam kalangan peniaga yang merasakan perlu menaikkan harga minuman sedangkan mereka tidak terlibat dengan cukai berkenaan.

“Bila kerajaan laksanakan cukai tersebut pada 1 Julai lalu iaitu penjual air di warung pun menaikkan harga sedangkan mereka tidak terlibat, itu berlaku. Memang ditemui aduan kenaikan harga minuman dengan alasan cukai soda dikenakan, tanpa mengetahui mereka



SAIFUDDIN NASUTION ISMAIL meninjau harga bawang ketika lawatan ke Pasaraya AJ Best di Chow Kit, Kuala Lumpur, semalam.

jual teh tarik tiada kaitan dengan cukai soda.

“Pelanggan juga apabila maklumat tidak mencukupi mereka terima, mereka kata tidak mengapa apabila restoran kata ada

cukai soda. Wujud kekeliruan, jadi saya berpendapat bahawa kerajaan harus lipat gandakan penerangan supaya lebih meluas kefahaman mengenainya,” katanya di sini hari ini.